



Headline: Pengguna lalai
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 31 March 2019

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 17

PENGGUNA LALAI

■ **rawSEC dedah empat perkara
buka ruang penggodam kaut untung mudah**

Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tidak menyemak URL dengan betul, tidak menggunakan anti virus yang sesuai, membalas e-mel daripada sumber tidak dikenali serta menyerahkan nombor kod pengesahan transaksi (TAC) kepada pihak ketiga dikesan antara kelalaian pengguna siber yang paling kerap dilakukan sehingga menyebabkan kerugian.

Berdasarkan pemerhatian *Malaysia Cyber Security Community (rawSEC)*, empat perkara itu meletakkan sebahagian besar rakyat Malaysia dalam risiko ditipu kerana kecuaiannya mereka

membuka ruang kepada penggodam untuk mengaut keuntungan mudah.

Pengasas Bersama rawSEC, Khairul Nadzmi Mohd Yusof berkata, terdapat banyak kes pengguna cuai untuk memastikan URL yang digunakan ketika membuat transaksi perbankan internet sehingga mendedahkan maklumat peribadi kepada pihak ketiga tanpa disedari.

Katanya, biarpun digunakan setiap hari, pengguna tidak sedar bahawa ada penggodam sedang cuba untuk mendapatkan akses kepada akaun bank menerusi web palsu yang kelihatan hampir sama dengan web rasmi.

"Bezanya mungkin hanya perkataan dot com atau dot my itu. Tetapi kerana mahu cepat, ada yang

tidak mempedulikan perkara itu dan terus berurusan dengan 'bank' berkenaan. Mereka hanya sedar bila melihat baki akaun berkurangan walaupun tidak melakukan apa-apa transaksi.

"Lebih parah, ada yang hilang wang simpanan dalam jumlah yang banyak menyebabkan mereka pula terpaksa hidup dalam kesusahan hanya kerana cuai ketika menggunakan internet," katanya ketika ditemui selepas program rawSEC di Subang Jaya, semalam.

Khairul Nadzmi berkata, satu lagi bentuk penipuan yang kerap berlaku ialah mangsa menyerahkan kod pengesahan transaksi kepada pihak ketiga yang berpura-pura kehilangan nombor telefon selepas menggodam akaun bank.